

Headline	Pasukan Terengganu kuasa baharu hoki wanita negara		
MediaTitle	Kosmo		
Date	15 Mar 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	60
ArticleSize	245 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 19,074		



Pasukan Terengganu 'kuasa baharu' hoki wanita negara

KEJAYAAN Pasukan Hoki Wanita Terengganu (TLHT) bergelar juara berganda dalam saingan domestik musim ini memberi petanda kebangkitan semula arena hoki wanita negeri tersebut.

Negeri dari Pantai Timur itu sebelum ini terkenal dengan kegagahan skuad lelaki Pasukan Hoki Terengganu (THT) yang bergelar juara berganda sebanyak tiga tahun berturut-turut pada 2014, 2015 dan 2016.

Tahun ini, THT terpaksa melepaskan kejuaraan Divisyen Satu Liga Hoki Malaysia (MHL) kepada Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC), namun bangkit mengecewakan musuh tradisi itu untuk menjuarai Piala TNB.

Sehubungan itu, TLHT yang ditubuhkan tahun ini, tekad mengikut jejak langkah pasukan 'abang' pada tahun-tahun berikutnya selepas menjulang gelaran Liga Hoki Wanita Malaysia 2017 dan Piala Vivian May Soars 2017.

Bagi merealisasikan impian tersebut, penolong pengurus TLHT, Mohd. Yuseri Che Din berharap kerajaan negeri Terengganu dapat membantu melakukan persediaan bermula sekarang kerana memper-tahankan gelaran lebih sukar berbanding memenanginya.

"Mungkin kerajaan negeri boleh menaikkan bajet pasukan



PARA pemain hoki TLHT meraikan kejayaan berganda setelah meraih gelaran juara Liga Hoki Wanita Malaysia dan Piala Vivian May Soars di Kuala Lumpur baru-baru ini.

sebagai persediaan menghadapi saingan tahun depan. Saya juga berharap imbuhan sewajarnya dapat diberikan kepada pemain yang mengharumkan nama Terengganu.

"Kejayaan ini sebenarnya telah memberikan impak positif terhadap kecemerlangan sukan Terengganu, sekali gus menjadi penanda aras buat golongan remaja wanita untuk kembali memilih sukan hoki sebagai pilihan mereka," katanya.

Mohd. Yuseri juga berterima kasih kepada kerajaan negeri Terengganu terutama Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd. Rahman dan Persatuan

Hoki Terengganu yang sentiasa berusaha membantu TLHT.

Dalam perkembangan sama, beliau berharap Konfederasi Hoki Malaysia (MHC) dapat meningkatkan taraf saingan Liga Hoki Wanita Malaysia setaraf dengan kancah Divisyen Premier MHL supaya persaingan akan menjadi lebih sengit dan menarik.

Sebagai rekod, TLHT turut berjaya 'menyapu' dua anugerah individu ditawarkan iaitu Nuraini Abdul Rashid sebagai penjaring terbanyak dengan 22 gol dan pemain terbaik perlawanan akhir menjadi milik penjaga gol, Siti Noor Hafiza Zainordin.